

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



NOVEMBER 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Reka Letak
Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



Isi Kandungan

	Muka
Pertukaran Berita ASEAN ‘Menyatukan, Membarangakan, Memberi Inspirasi’	5-6
MAKLUMAN : Cawangan Penerangan Daerah Belait kini di Seria	6
Brunei – Singapura bincang hala tuju, projek bidang penyiaran dan penerangan	7
Jabatan Penerangan tanam semangat patriotisme penuntut	8-9
Jabatan Penerangan teruskan Program Masyarakat Bermaklumat	10
Program Masyarakat Bermaklumat dekati penduduk kampung	11
PMB suntik semangat berurus niaga	11 - 12
Semai semangat patriotisme penuntut	12
Jabatan Penerangan sampaikan maklumat kepada rakyat	13
Usaha terus ditingkatkan beri masyarakat maklumat	14
Menimba ilmu cara pemasaran produk	14
Rombongan PMB terus dibarigakan dengan pengetahuan dan perkembangan semasa	15
Peserta PMB tinjau Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah	15
36 orang Ahli MPK Mata-Mata Gadong ‘B’ sertai Program Masyarakat Bermaklumat	16 - 17
PMB kongsi pelbagai maklumat terkini kepada masyarakat	17 - 18
Peserta PMB adakan lawatan	18
Peserta PMB menerima maklumat fungsi DARE	19
Dekati masyarakat dalam Program Sua Muka	19
Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Penerangan mendapat sambutan	20
Pembentangan hasil penempatan kerja mahasiswa Universiti Brunei Darussalam	21
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/ kursus/bengkel pada bulan ini	22 - 23

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Pertukaran Berita ASEAN ‘Menyatukan, Membarigakan, Memberi Inspirasi’

Siaran Akhbar dan Foto: Ihsan Jawatankuasa ASEAN COCI



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengurusi bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) dan Timbalan Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan, Tuan Yang Terutama Savankhone Razmountry, semasa penyampaian anugerah kepada wakil dari Viet Nam Television (VTV).

VIENIANE, LAO PDR, Rabu, 9 November. - Anugerah Pertukaran Berita ASEAN (ASEAN TV News atau ATN) merupakan platform yang mempelopori pembarigaan aktiviti masyarakat ASEAN.

ATN yang mula dilaksanakan pada Januari 1998 ialah sebuah projek berterusan oleh rangkaian televisyen negara-negara anggota ASEAN bertujuan untuk mempromosi usaha membangun masyarakat dan menanam kesedaran mengenai ASEAN kepada masyarakat ASEAN.

Sepanjang 18 tahun projek ini berlangsung, negara-negara anggota ASEAN terus aktif memberi sokongan demi kebaikan bersama ASEAN. Selain membarigakan aktiviti, ATN juga dihasratkan akan dapat menyatukan dan memberi inspirasi kepada masyarakat ASEAN ke arah moto ASEAN iaitu ‘One Vision, One Identity, One Community’.

Bagi menghargai usaha dan sumbangan ini, ASIAVISION (AVN), pengendali pertukaran berita Asia Pasifik melalui File Transfer Protocol (FTP) telah memberi sumbangan penuh kepada operasi ATN. Ia telah membantu dalam meluaskan pendedahan bahan ATN kepada ahli organisasinya.

Tahun ini menyaksikan ASIAVISION Award for Best Contribution dianugerahkan kepada Vietnam Television (VTV) dari Republik Sosialis Rakyat Viet Nam. Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Savankhone Razmountry, Timbalan Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan, Lao PDR.

Pemakluman pemenang dibacakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengurusi Sub-Komititi ASEAN-COCI dalam bidang Penerangan (SCI).

Awang Mawardi di dalam pemakluman tersebut menyatakan, penerima anugerah pada tahun ini, Vietnam Television (VTV), diiktiraf di atas dedikasi dan sumbangan aktif yang berterusan serta tidak ternilai terhadap projek pertukaran berita ini. Vietnam Television yang sudah lama menjadi ahli ATN merupakan penyiar yang aktif dan memperlihatkan sokongan padu kepada kemajuan dan kejayaan ATN.

Beliau juga turut menyampaikan ucapan penghargaan Negara Brunei Darussalam selaku negara penyelaras ATN kepada kesemua negara-negara anggota ASEAN di atas kerjasama, sokongan dan sumbangan berterusan terhadap ATN.

Majlis Penyampaian Hadiah diadakan semasa Majlis Makan Malam Gala bagi meraikan delegasi negara anggota ASEAN yang menghadiri Mesyuarat ASEAN-COICI Ke-51.

MAKLUMAN : **Cawangan Penerangan Daerah Belait kini di Seria** **Siaran Akhbar Jabatan Penerangan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 November. - Sukacita memaklumkan bahawa Cawangan Penerangan Daerah Belait, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang beralamat di Tingkat 1, Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Kuala Belait, KA1131, Negara Brunei Darussalam telah berpindah.

Sebarang persuratan dan urusan bolehlah ditujukan atau terus ke alamat : Cawangan Penerangan Daerah Belait, Lorong Bolkiah, Jalan Bolkiah, Seria, KB4333, Negara Brunei Darussalam dan hubungi melalui talian telefon: +673 3224636.



Brunei – Singapura bincang hala tuju, projek bidang penyiaran dan penerangan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto: Hamzah Mohiddin



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos (duduk, tiga, kiri) selaku Ketua Delegasi Brunei Darussalam dan Ketua Delegasi Republik Singapura, Setiausaha Tetap Kedua, Kementerian Komunikasi dan Penerangan, Gabriel Lim (duduk, tiga, kanan) bergambar ramai bersama delegasi kedua-dua buah negara sempena Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-26 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pemerintah Republik Singapura mengenai kerjasama dalam bidang Penerangan dan Penyiaran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 November. - Negara Brunei Darussalam dan Singapura terus menikmati hubungan kerja yang erat dan sangat baik yang terbukti melalui hubungan persahabatan di bawah MoU penyiaran yang kini sudah memasuki tahun ke-26.

Hubungan baik itu dikukuhkan dengan jalinan antara kementerian-kementerian, penyiar-penyiar, dan juga belia dan artis yang mengambil bahagian dalam produksi sejak beberapa tahun lalu.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyatakan demikian pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Kali Ke-26 di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pemerintah Republik Singapura mengenai kerjasama dalam bidang Penerangan dan Penyiaran berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri.

Menurut Awang Mohd. Riza, terdapat cabaran dalam menarik penonton dan pendengar kita, yang memerlukan penyiaran kita berusaha lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan kualiti dan kandungan mantap.

“Oleh itu, saya berharap untuk mendengar laporan daripada Kumpulan Kerja Penyiaran bagi pelan tindakan mereka dan juga projek-projek masa depan dalam kerjasama penyiaran,” ujarnya.

Majlis Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kali Ke-26 ini disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos selaku Ketua Delegasi Brunei Darussalam.

Sementara itu, mengetuai bagi pihak delegasi Republik Singapura ialah Setiausaha Tetap Kedua, Kementerian Komunikasi dan Penerangan, Gabriel Lim.

Pada Majlis Pembukaan tersebut, ketua-ketua delegasi telah membuat ucapan pembukaan mereka.

Mesyuarat selama dua hari tersebut akan membincangkan mengenai hala tuju, projek-projek dan kegiatan-kegiatan yang diungkayahkan bersama di dalam bidang kerjasama penyiaran dan penerangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan, Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Komunikasi dan Penerangan, Republik Singapura; Info-Communications Media Development Authority of Singapore dan MediaCorp Pte Ltd.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan tanam semangat patriotisme penuntut

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pengiran Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Menteri Pendidikan, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 November. - Jabatan Penerangan sama-sama memainkan peranan untuk mendekati para remaja selaku ejen penyebaran maklumat semasa serta menanamkan semangat patriotisme terhadap tanah air.

Sehubungan itu, jabatan berkenaan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengendalikan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

Program yang bertujuan memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan kepada golongan remaja itu disertai oleh 200 pelajar dari Tahun 9 dan 10.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Menteri Pendidikan, Dayang Siti Zuliana binti Haji Abdul Samad hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Acara bermula dengan nyanyian Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dan Lagu Patriotik "Bendera Negara" yang diiringi oleh penuntut-penuntut Tahun 9 dan Tahun 10, Sekolah Menengah YSHHB.

Pengetua Sekolah Menengah YSHHB, Chong Li Chen, antara lain mengingatkan para penuntut akan peri mustahaknya menanamkan sikap patriotisme dalam diri setiap pelajar.

Taklimat Kenegaraan dimulai dengan tayangan video "Kibarkan Bendera dan Lagu Negara Dengan Megah" dan diteruskan taklimat bertajuk "Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Beliau menyentuh mengenai lagu kebangsaan yang bersifat setia negara yang dihasilkan oleh Allahyarham Awang Haji Besar bin Sagap selaku pencipta/penggubah, manakala seni kata dicipta oleh Allahyarham Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Tambahnya, lagu kebangsaan tersebut merupakan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala khusus buat Ulil Amri Raja yang dikasihi agar dilanjutkan usia menaungi nusa (negara).

Program tersebut juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada artis Jabatan Penerangan, tayangan Klip Video "Patriotik" SM YSHHB, persembahan tarian Joget Seri Kenangan" diikuti dengan persembahan drama "Kami Mahu Berjaya" yang dipersembahkan oleh para penuntut sekolah tersebut.

Acara juga dimeriahkan lagi dengan lawak jenaka dan kuiz oleh pelawak-pelawak undangan tanah air, Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Awang Haji Mohd. Firdaus bin Haji Mohd. Salleh.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan hadiah kepada lima penuntut yang berjaya menjawab kuiz.



SERAMAI 200 pelajar dari Tahun 9 dan 10 hadir pada Program RRP yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Program RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Turut hadir ialah guru-guru dan kakitangan dari SM YSHHB.



PERSEMBAHAN tarian asli Joget Seri Kenangan daripada pelajar-pelajar perempuan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Jabatan Penerangan teruskan Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PESERTA-PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Lamunin, Tutong dalam sesi bergambar ramai.

TUTONG, Khamis, 3 November. - Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji A. Ahmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Lamunin, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Gong Tiga, Kampung Lamunin, Tutong.

Program tersebut akan diteruskan secara berterusan di keempat-empat daerah selaras dengan usaha jabatan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat, tambahnya.

Jelasnya lagi, program tersebut diadakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarangkakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup serta menyuntik semangat diri juga memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat bagi memberkati majlis.



SEBAHAGIAN daripada para peserta Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Lamunin.

Acara juga diisikan dengan taklimat dari Jabatan Tanah yang disampaikan oleh Pegawai Tanah, Awang Haji Musa bin Haji Sulaiman; Pegawai Tanah, Dayang Hajah Farah Filjah binti Haji Md. Said dan Penolong Pegawai Tanah, Awang Haji Murni bin Haji Mohammad.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Lamunin, Mejari (B) Awang Said bin Haji Tinggal dan seramai 41 peserta program yang terdiri daripada penduduk Kampung Lamunin.

Program antara lain diadakan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Program Masyarakat Bermaklumat dekati penduduk kampung

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

TUTONG, Khamis, 3 November. - Dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan kepada masyarakat setempat untuk mencapai tujuan Jabatan Penerangan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat, jabatan berkenaan telah melaratkan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Lamunin bagi sesi petang, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Gong Tiga, Kampung Lamunin, Tutong.

Pada sesi tersebut, acara diteruskan lagi dengan taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Buruh dan Sekretariat Tetap Wawasan Brunei (STWB).

Taklimat dari Jabatan Buruh disampaikan oleh Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayang Nurlailani binti Abdullah Andry; Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayang Norizzah Hazirah binti Haji Awang Hussin dan Pemeriksa Buruh Kanan, Awang Zulfadli bin Suhai.

Manakala Taklimat STWB disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah STWB, Dr. Hajah Huraini binti POKSJDP Haji Hurairah dan Pegawai Tugas-Tugas Tingkat I, STWB, Pengiran Khairil Bahriah binti Pengiran Haji Md. Ali.



PENOLONG Pesuruhjaya Buruh, Dayang Nurlailani binti Abdullah Andry menyampaikan taklimat mengenai Proses Baharu Pekerja Asing (LPA).

PMB suntik semangat berurus niaga

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 5 November. - Lawatan penduduk Kampung Lamunin yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) selama dua hari merupakan sebagai penyuntik maklumat kepada masyarakat dan penduduk kampung agar maklumat-maklumat yang diperolehi akan dapat dijadikan garis panduan kepada masyarakat kampung berkenaan.

Rombongan pertama disertai oleh 20 peserta diikuti rombongan kedua disertai 23 peserta yang mengadakan lawatan ke Sabli Food Industries (B) Sendirian Berhad.

Pada lawatan tersebut, para rombongan diberikan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Penggerusi Sabli Food Industries (B) Sendirian Berhad, Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad mengenai Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. yang antara



KUMPULAN pertama Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Lamunin di Sabli's Food Industries Sendirian Berhad.

lain menyentuh mengenai sejarah penubuhan, produk-produk yang dipasarkan dan sebagainya. Rombongan kemudian dibawa melawat untuk menyaksikan lebih dekat lagi proses-proses pembuatan, pembungkusan dan sebagainya.

PMB bagi Kampung Lamunin diteruskan dengan lawatan ke Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Sinaut, di sini.

Program diisikan dengan taklimat ‘Keusahawanan dalam Industri Agrimakanan’ yang disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Unit Statistik dan Kemajuan Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Nurul Ehra Hayati binti Haji Mohammad Hussin.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat mendengarkan taklimat semasa mengadakan lawatan ke Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Sinaut.

Semai semangat patriotisme penuntut

Berita dan Foto: Noraizah Muhammed

BELAIT, Khamis, 10 November. - Dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus melaksanakan mengadakan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’.

Sehubungan itu, taklimat kali ini diteruskan di Sekolah Arab Belait, di sini dan hadir menyampaikan taklimat ialah Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Semasa taklimat tersebut para penuntut juga berpeluang untuk menyaksikan tayangan video klip ‘Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah’ dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Rafaee bin Ya’akub.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Ketua Cawangan Penerangan, Daerah Belait.



ANTARA pelajar lelaki dan perempuan dari Tahun 7 dan 8, penuntut Sekolah Arab Belait yang menghadiri Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati dalam menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Program berkenaan dihadiri oleh guru-guru kanan, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan disertai seramai 43 orang pelajar dari Tahun 7 dan 8 dari sekolah tersebut.

Jabatan Penerangan sampaikan maklumat kepada rakyat

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (lima dari kiri) selaku tetamu kehormat dalam program tersebut.

Tambahnya lagi, program tersebut diadakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup serta menyuntik semangat diri juga memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Acara juga diisikan dengan taklimat-taklimat dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dan Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Taklimat JPM yang bertajuk Sekreteriat Wawasan 2035 disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Nadzri bin Haji Yahya dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Dayang Kartini binti Haji Kabri, manakala taklimat dari JAIN disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awangku Muhd. Noor Hamaddi bin Pengiran

SENGKURONG, Rabu, 9 November. - Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji A. Ahmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Jerudong, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Ahmad yang bertajuk Terasul dan Bahasa Pengganti Diri.

Sementara itu, taklimat bertajuk Konsep Makanan Halal dalam Islam dari JHES disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Dayang Zurina Salwa binti Haji Osman; Pegawai Pelajaran, Dayang Siti Hazirah binti Haji Abu Hassan dan Pegawai Permakanan, Dayangku Khairunisa binti Pengiran Karim.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir @ Haji Siti; Ketua Kampung Jerudong, Awang Haji Mohammad Rais bin Ishak; Penasihat Majlis Perundingan Kampung Jerudong, Dato Paduka Haji Abdul Razak bin Haji Mohamad dan seramai kurang lebih 50 peserta program yang terdiri daripada Ahli Majlis Perundingan Kampung serta penduduk Kampung Jerudong.

Program antara lain diadakan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (duduk, tengah) selaku tetamu kehormat ketika bergambar ramai bersama Ahli Majlis Perundingan Kampung serta penduduk Kampung Jerudong pada Program Masyarakat Bermaklumat.

Usaha terus ditingkatkan beri masyarakat maklumat

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

SENGKURONG, Rabu, 9 November. - Dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan kepada masyarakat untuk mencapai tujuan Jabatan Penerangan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat, jabatan berkenaan telah mlaratkan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Jerudong bagi sesi petang, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Taklimat yang disampaikan oleh Jabatan Buruh yang bertajuk Undang-undang Buruh dan Kemasukan Pekerja Asing serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bertajuk Keusahawanan Agrimakanan.

Antara yang menyampaikan taklimat, Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayang Hajah Norajimah binti Haji Ali; Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayang Norizzah Hazirah binti Haji Awang Hussin dan Pemeriksa Buruh Kanan, Awang Mohd. Zulfadli bin Suhai.

Manakala Taklimat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan disampaikan oleh Pegawai Pertanian, Dayang Siti Nasyerah binti Haji Ahmad dan Pegawai Pertanian, Dayang Nurul Ehra Hayati binti Haji Muhd. Hussin.

Ia antara lain untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

Selain untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Program yang berlangsung selama dua hari tersebut akan diteruskan pada Khamis, dengan lawatan ke BMC Food Industries Sdn. Bhd., Jabatan Mufti Kerajaan dan Mangrove Paradise Resort Brunei.

Menimba ilmu cara pemasaran produk

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

PENGKALAN BATU, Khamis, 10 November. - Hari kedua PMB diteruskan dengan lawatan yang disertai oleh seramai lebih 40 peserta ke BMC Food Industries Sdn. Bhd., Mukim Pangkalan Batu.

Program dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Kilang, Tan Too Yeo mengenai BMC Food Industries Sdn. Bhd., yang antara lain menyentuh mengenai sejarah penubuhan, piawaian, produk-produk yang dipasarkan dan sebagainya.

Kemudian diteruskan dengan lawatan ke kilang produk-produk tersebut diproses, sebelum disusuli dengan sesi bergambar ramai.



ROMBONGAN berpeluang meninjau pembuatan produk daging semasa lawatan ke BMC Food Industries Sdn. Bhd.

Rombongan PMB terus dibarigakan dengan pengetahuan dan perkembangan semasa

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 November. - Dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan masyarakat setempat untuk mencapai tujuan Jabatan Penerangan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat, rombongan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Jerudong meneruskan lagi lawatan ke Mangrove Paradise Resort.

Rombongan tersebut diketuai oleh Ketua Kampung Jerudong, Awang Haji Mohammad Rais bin Ishak.



PENGURUS Mangrove Paradise Resort, Dayang Izyan binti Haji Mahadi (lima dari kiri) semasa membawa rombongan Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Jerudong melawat kemudahan yang terdapat di Mangrove Paradise Resort.

Peserta PMB tinjau Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 November. - Koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menarik perhatian sekumpulan pelawat daripada peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dari Kampung Jerudong.

Lawatan para peserta PMB ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Mufti Kerajaan merupakan salah satu daripada tiga destinasi siri lawatan yang dirancang dalam program dua hari yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan.

Program diisikan dengan taklimat ringkas mengenai sejarah penubuhan JMK dan Sejarah Lantikan Mufti yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Awang Rawandi Rafie Haji Yahya, sebelum melawat ke galeri dan pameran di bangunan tersebut seperti Galeri Mushaf, Pameran Tongkat dan Tasbih, Pameran Manuskrip dan Pusat Sumber Ilmu Mengenai Islam.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Jerudong memerhatikan kalimah pada Kiswah Kaabah bertarikh 1414 Hijrah bersamaan 1994 Masihi antara yang dipamerkan di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini.

36 orang Ahli MPK Mata-Mata Gadong ‘B’ sertai Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

GADONG, Rabu, 16 November. - Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua masyarakat memahami, menyokong dan menghayati secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ telah mengadakan PMB selama dua hari yang bermula pada 16 November hingga 17 November ini.

Seramai 36 orang peserta daripada Ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ menyertai hari pertama program tersebut yang berlangsung di Dewan Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong ‘B’.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pada hari pertama para peserta diberikan taklimat daripada Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035; Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Buruh bagi sesi pagi, manakala taklimat pada sebelah petang akan disampaikan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Pada sesi pagi, Pegawai Pentadbir Tingkat 1, Awang Aziman bin Haji Awang Nasir dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 menerangkan matlamat serta hala tuju wawasan yang menyasarkan kepada tiga matlamat penting iaitu Rakyat yang berpendidikan, Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi serta Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Seterusnya taklimat diikuti dengan Konsep Makanan Halal daripada Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penyiasatan, Awang Muhamad Yusnan bin Haji Lamat dan diakhiri dengan taklimat dari Jabatan Buruh yang disampaikan oleh Pemeriksa Buruh Kanan, Awang Hazizul bin Hassan.

Awang Hazizul dalam taklimatnya mengingatkan para peserta, agar sentiasa mendaftarkan pekerja-pekerja di bawah jagaan masing-masing dengan pelan perlindungan insurans bagi sama-sama menjaga kebajikan pekerja dan majikan.

Sementara itu, bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat diketuai oleh Imam Balai Ibadat Kampung Mata-Mata Gadong, Awang Haji Isa bin Haji Saban bagi memberkati majlis.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mata-Mata, Gadong ‘B’.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Gadong ‘B’, Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar; Ketua Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’, Awang Haji Metali bin Haji Khamis; dan pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat dalam mengungkayahkan program tersebut.



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama para peserta program.

PMB kongsi pelbagai maklumat terkini kepada masyarakat

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor

GADONG, Rabu, 16 November. - Warganegara Brunei Darussalam diingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan membawa keluar barang-barang yang diberikan subsidi keluar daripada negara ini tanpa kebenaran daripada pihak berwajib.

Perkara ini antara yang disentuh oleh Penolong Superintenden Kastam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awang Zulkarnaine bin Haji Sulaiman, semasa menyampaikan taklimat kepada peserta-peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ yang dilaratkan ke sesi petang, bertempat di Dewan Balai Ibadat, Kampung Mata-Mata.

Menurut beliau produk-produk seperti beras, gula dan bahan bakar seperti minyak gasolin dan diesel merupakan di antara barang yang diberikan subsidi kerajaan dan perlu dihargai oleh rakyat dan penduduk di

negara ini. Sementara itu, dalam taklimat daripada Jabatan Pertanian yang disampaikan oleh Pegawai Pemeliharaan Ternakan, Awang Allan Mikael Kuang pula menyentuh kepentingan ilmu pengetahuan dan hala tuju sebelum menceburi diri dalam bidang keusahawanan penternakan.

Pihak Jabatan Pertanian tambah beliau lagi bersedia untuk membantu para penduduk kampung yang benar-benar berminat untuk menceburi dengan bantuan berupa kursus dan seterusnya khidmat nasihat kepakaran teknikal ternakan.

Para peserta juga turut diberikan maklumat contoh parameter permulaan projek dan carta aliran tunai projek ternakan yang berpotensi menghasilkan pulangan yang lumayan.



Salah seorang peserta program, Awang Haji Abdullah bin Haji Saidi yang juga Setiausaha Majlis Perundingan Kampung Mata-Mata berpendapat Program Masyarakat Bermaklumat ini sangat berguna dan padat dengan maklumat terkini pihak kerajaan.

Terdahulu, pada sesi pagi para peserta telah mengikuti beberapa taklimat menjurus kepada Wawasan Brunei 2035, Konsep Makanan Halal Dalam Islam serta Undang-Undang Buruh dan Kemasukan Pekerja Asing.

Para peserta dijangka meneruskan lawatan-lawatan ke Jamahat Haji Liman Abattoir dan diikuti dengan lawatan ke Darussalam Enterprise (DARE).

PENOLONG Superintenden Kastam, Awang Zulkarnaine bin Haji Sulaiman dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja semasa memberi taklimat kepada peserta Program Masyarakat Bermaklumat.

Peserta PMB adakan lawatan

Oleh: Nooratini Haji Abas

Foto: Hamzah Mohidin



SEROMBONGAN 36 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ bergambar ramai ketika mengadakan lawatan ke Jamahat Haji Liman Abattoir di Kampung Mulaut.

MULAUT, Khamis, 17 November. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dihasilkan dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Serombongan 36 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ yang menyertai program itu meneruskan lagi aktiviti dengan mengadakan lawatan ke Jamahat Haji Liman Abattoir di Kampung Mulaut.

Tujuan program tersebut adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat juga lawatan-lawatan.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa PMB tersebut telah didahului dengan penerangan mengenai Syarikat Abattoir yang disampaikan oleh pemilik syarikat berkenaan, Awang Haji Jamahat bin Haji Liman dan disusuli dengan sesi soal jawab.

Pada lawatan tersebut, para rombongan berpeluang meninjau secara lebih dekat lagi ke Bahagian Pemprosesan Penyembelihan.

Peserta PMB menerima maklumat fungsi DARE

Oleh: Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PROGRAM Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ membuat lawatan ke Darussalam Enterprise (DARE) dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Siti Normadinah binti Pengiran Haji Omarali.

ANGGEREK DESA, Khamis, 17 November. - Rombongan seramai 36 orang Ahli Majlis Perundingan Kampung Adan penduduk Kampung Mata-Mata Gadong ‘B’ mengakhiri Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan dengan membuat lawatan ke Darussalam Enterprise (DARE) di Taman Teknologi Anggerek, Kampung Anggerek Desa.

Terdahulu, rombongan diberikan taklimat ringkas mengenai dengan penubuhan dan fungsi DARE yang disampaikan oleh Pengurus DARE, Dayangku Hajah Siti Normadinah binti Pengiran Haji Omarali.

Dekati masyarakat dalam Program Sua Muka

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 November. - Program Sua Muka dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Sehubungan itu, Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Subok, Awang Haji Md. Jais bin Md. Salleh.



KETUA Unit Hubungan Masyarakat menyampaikan cenderamata kepada Ketua kampung Subok.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Subok dan AJK kampung tersebut.

Kejohanan Futsal anjuran Jabatan Penerangan mendapat sambutan

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PASUKAN Futsal Jabatan Penerangan ‘A’ dan ‘B’ selaku pasukan tuan rumah.

TUNGKU, Ahad, 20 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Kejohanan Futsal yang diadakan di Dewan Sukan, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Sebanyak 14 buah pasukan menyertai kejohanan yang diadakan sempena memperingati Ulang tahun Penubuhan Jabatan Penerangan Kali Ke-64 yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara para permain dan agensi yang menyertai serta mengamalkan aktiviti ke arah gaya hidup sihat melalui bersukan.

Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan tersebut terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Media JPM, Jabatan Kehakiman, Media Permata, Gabungan Jurugambar Kerajaan, Jabatan Audit, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Adat Istiadat Negara, Borneo Bulletin, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan serta tuan rumah Jabatan Penerangan ‘A’ dan Jabatan Penerangan ‘B’.



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Aminuddin bin Haji Buntar hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah pemain terbaik kejohanan, Awang Sofri bin Yahya.

Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan kali ini dibahagikan kepada 4 kumpulan yang berentap di sesi pagi dan petang.

Pasukan Jabatan Perkhidmatan Elektrik muncul juara Kejohanan Futsal Sempena Memperingati Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan Kali Ke-64 setelah menumpaskan Pasukan Media JPM 4 - 2 pada perlwanan akhir yang berlangsung di Dewan Sukan, Universiti Brunei Darussalam.

Pemain berjersi nombor 7, Awang Sofri bin Yahya dari pasukan juara dipilih menjadi pemain terbaik kejohanan tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang kejohanan ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Aminuddin bin Haji Buntar.



ANTARA aksi yang ditunjukkan oleh para pemain.

Pembentangan hasil penempatan kerja mahasiswa Universiti Brunei Darussalam

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PARA mahasiswa bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan di mana mereka ditempatkan serta penyelia dari Universiti Brunei Darussalam.

PADA 17 November, lima orang lagi mahasiswa Tahun 3, UBD juga membentangkan hasil penempatan mereka. Awang Mohamad Sarif bin Nayan, Awang Ahmad Suufi bin Haji Md. Najib, Awang Ahmad Fadilah bin Haji Abdul Rahman, Awang Muhammad Nuryusrin bin Haji Japarin dan Awang Muhammad Fawzan bin Haji Abu Kasim.

Majlis tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 2 di Bangunan Baru Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Sementara itu pada 26 November, majlis yang serupa diadakan di Bilik Sindiket II, Tingkat 3, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan bagi mahasiswa UBD, Awang Mohammad Adib bin Mohd. Fuzil dan Awang Muhammad Haziq bin Ramlan.

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa telah diadakan pada bulan November 2016.

Dayang Norafiqah binti Haji Murni, Dayang Nur Asrina binti Idris, Dayang Salwa binti Haji Gazali dan Dayang Mershilla Chong Chew Then telah menyampaikan pembentangan mereka. Majlis tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat Pelita Brunei pada 12 November 2016.



MAHASISWA UBD, Awang Mohammad Adib bin Mohd. Fuzil dan Awang Muhammad Haziq bin Ramlan ketika membuat pembentangan hasil penempatan mereka.



PEMANGKU Pengarah Penerangan bergambar ramai bersama para mahasiswa dan juga pegawai dan kakitangan di mana mereka ditempatkan di jabatan ini.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

KURSUS/TAKLIMAT/BENGKEL BULAN NOVEMBER 2016				
NAMA	JAWATAN	BHG	NAMA KURSUS/BENGKEL /SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	2	Women In Leadership	01 - 03 Nov 2016
Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibah Hanim binti Pengiran Haji Bakar	Pegawai Penerangan	2	Bengkel Peraturan AM1961 (GO) dan Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan Kewangan (FR)	12 - 19 Nov 2016
Awang Mohammad Hisyam bin Idris	Pegawai Penerangan	2	Bengkel Peraturan AM1961 (GO) dan Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan Kewangan (FR)	12 - 19 Nov 2016
Dayang Faridah binti Haji Kaderi	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	4	Meraih Jalan Kejayaan	15 - 17 Nov 2016 (3Hari 2mlm)
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad	Penolong Pegawai Penerangan	3	Menangani Perubahan	22 - 24 Nov 2016
Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid	Pegawai Penerangan	2	Majlis Perkongsian Pengalaman: Dari Zero Menjadi Hero	28 Nov 2016
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Pegawai Penerangan	2	Majlis Perkongsian Pengalaman: Dari Zero Menjadi Hero	28 Nov 2016
Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Mat Noor	Penolong Penyunting Tingkat I	3	Majlis Perkongsian Pengalaman: Dari Zero Menjadi Hero	28 Nov 2016
Dayang Norliah binti Md. Zain	Penolong Penyunting Tingkat II	3	Majlis Perkongsian Pengalaman: Dari Zero Menjadi Hero	28 Nov 2016
Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul Karim	Penolong Penyunting Tingkat II	3	Majlis Perkongsian Pengalaman: Dari Zero Menjadi Hero	28 Nov 2016
Awang Musa bin Mohidin	Pegawai Penerangan	2	Menjana Kepimpinan Diri	28 Nov - 01 Dis 2016
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim	Pegawai Penerangan	2	Menjana Kepimpinan Diri	28 Nov - 01 Dis 2016

PEGAWAI PENERANGAN MEMBERI TAKLIMAT BULAN NOVEMBER 2016				
NAMA	JAWATAN	BHG	NAMA KURSUS/BENGKEL /SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH KURSUS
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Pegawai Penerangan	2	Sistem Pentadbiran Kerajaan - IPA	02 Nov 2016

PEMBENTANGAN PENEMPATAN KERJA & PENGALAMAN KERJA			
NAMA	SEKOLAH & JURUSAN	TEMPAT PEMBENTANGAN	TARIKH PEMBENTANGAN
Dayang Norafiqah binti Haji Murni	UBD - Professional Communication and Media	BILIK MESYUARAT PELITA BRUNEI	12 Nov 2016
Dayang Nur Asrina binti Idris	UBD - Professional Communication and Media		
Dayang Salwa binti Haji Gazali	UBD - Professional Communication and Media		
Dayang Mershilla Chong Chew Theng	UBD - Kesusasteraan Melayu		
Awang Ahmad Fadilah bin Haji Abd. Rahman	UBD - Akademi Pengajian Brunei	BILIK MESYUARAT TINGKAT 2 BANGUNAN TAMBAHAN JABATAN PENERANGAN	17 Nov 2016
Awang Mohamad Sarif bin Nayan	UBD - Akademi Pengajian Brunei		
Awang Muhammad Fawzan bin Haji Abu Kasim	UBD - Akademi Pengajian Brunei		
Awang Muhammad Nuryusrin bin Haji Japarin	UBD - Akademi Pengajian Brunei		
Awang Ahmad Suufi bin Haji Mohd. Najib	UBD - Professional Communication and Media	BILIK SINDIKET II TINGKAT 3	26 Nov 2016
Awang Mohammad Adib bin Mohd. Fuzil	UBD - English Language and Linguistic		
Awang Muhammad Haziq bin Ramlan	UBD - English Language and Linguistic		

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



[@infodept_bn](http://infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**